

Newspaper	Berita Harian
Date	22 November 2015

# Kesederhanaan tangani keganasan: PM

» Ideologi keganasan tidak boleh ditewaskan dengan ketenteraan

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak semalam memberitahu Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 dan Sidang Kemuncak Berkaitan bahawa penyelesaian terhadap keganasan yang dihadapi hari ini memerlukan penyelesaian baharu, iaitu kesederhanaan.

Ideologi keganasan tidak boleh ditewaskan dengan penyelesaian ketenteraan sahaja.

Perdana Menteri juga menekankan bahawa ideologi keganasan dan pelakunya tidak mewakili mana-mana bangsa, agama atau keturunan dan dunia tidak harus membenarkan tanggapan sedemikian diteruskan.

"Dunia tidak boleh membenarkan mereka mengakui begitu (menggunakan nama Islam). Mereka adalah pengganas dan perlu ditangani sepenuhnya dengan undang-undang.

"Malaysia akan memberi bantuan dan menyokong apa yang termampu... kami memberi jaminan bersama-sama menentang kejahatan yang menggunakan nama Islam," katanya.



Najib bersama pemimpin ASEAN ketika sesi foto pada pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO EPA)

Sehubungan itir, apa yang dunia perlukan dalam menangani semua perkara adalah pendekatan kesederhanaan atau wasatiyah yang menjadi jalan menyelesaikan konflik.

## Menangi hati lawan

Menurutnya, pendekatan kesederhanaan digunakan pemimpin dunia Mahatma Gandhi, Nelson Mandela dan Martin Luther King bagi memenangi hati lawan, menyelesaikan konflik dan ketidak-

adilan yang tokoh terbabit perjuangkan sebelum ini.

"Kesederhanaan adalah konsep yang tersirat dalam cara ASEAN. Ia dekat dengan Malaysia di mana perbezaan agama dan etnik boleh memecahbelahkankami, sebaliknya kepelbagaian itu memperkasakan kami," katanya.

Beliau memulakan ucapan perasmian sidang itu dengan menyentuh mengenai insiden keganasan yang menggemparkan dunia sejak kebelakangan ini,

termasuk serangan pengganas di Paris dan Beirut yang mengorbankan 170 nyawa, dan 224 terbunuh dalam pengeboman pesawat penumpang Russia di Gunung Sinai, Mesir.

Beliau juga menyentuh mengenai insiden tebusan di Bamako, Mali dan pembunuhan seorang rakyat Malaysia di selatan Filipina yang dipenggal kumpulan pengganas.

"Kami menyedari bahawa ancaman (keganasan) benar di sini.

Militan tempatan seperti kumpulan Abu Sayyaf, yang menyatakan kesetiaan kepada kumpulan yang dipanggil Negara Islam. Merekalah yang membunuh rakyat kami, Bernard Then, pada Selasa lalu," katanya.

Najib berkata, Islam menegah umatnya mengambil nyawa orang lain yang turut dijelaskan dalam ayat al-Quran bahawa perbuatan itu seperti 'membunuh seluruh kemanusiaan.'

## Dedah fakta keganasan

Malah, perbuatan membunuh diri dalam apa jua keadaan, apatah lagi membunuh diri dan menyebabkan orang lain terkorban adalah dosa besar.

"Dalam waktu tragedi begini, kita jangan lupa fakta bahawa ideologi (keganasan) itu sendiri mesti didedahkan dan dihapuskan. Ini kerana ia bukannya Islam... tidak mungkin (Islam)" katanya.

Najib berkata, ingatan dan doa rakyat Malaysia adalah untuk orang Islam, Hindu, Buddha, Kristian dan penganut agama lain kepada warga Russia, Perancis, Lubnan dan Mali, termasuk keluarga mangsa pengeboman di Ankara, Turki serta rakyat Syria dan Iraq yang sengsara sejak sekian lama.

"Kami berdoa dunia yang lebih sederhana dan aman menjadikan ideologi memusnahkan itu sesuatu perkara di masa silam," katanya.